

Tangani lambakan warga asing

MUTAKHIR ini, serbuan demi serbuan dilakukan oleh pihak berkuasa di kawasan tumpuan warga asing, dalam usaha menangani kegiatan golongan itu yang dilihat semakin berleluasa dan meresahkan warga tempatan.

Mereka yang tidak mempunyai dokumen sah ditangkap dan dibawa ke depoh tahanan bagi menjalani proses seterusnya.

Namun ibarat patah tumbuh hilang berganti, di mata kasar masyarakat, bilangan warga asing di negara ini tidak nampak berkurangan di sebalik tindakan proaktif pihak berwajib tersebut.

Malah, tindak-tanduk sebahagian mereka yang bagaikan sengaja mencabar undang-undang negara, terus dikongsikan oleh warga maya dan aktivis, membuatkan ada yang menganggap operasi penguatkuasaan sekadar melepaskan batok di tangga.

BERSENDIRIAN

Melihat operasi penguatkuasaan secara bersendirian sebagai antara kelemahan utama sistem semasa, Timbalan Ketua Pusat Penyelidikan Populasi dan Migrasi Universiti Malaya Prof Madya Dr. Mashitah Hamidi berkata keadaan itu membuatkan rakyat menganggap langkah sedemikian sebagai tidak berkesan.

"Setiap agensi penguat kuasa ada portfolio sendiri dan operasi yang dilakukan hanya untuk memenuhi sasaran masing-masing. Apatah lagi operasi sebegini (di lokasi tumpuan warga asing) hanya dapat dirasai belakangan ini sahaja."

"Sebelum ini memang ada, tetapi hanya dapat dilihat pada masa-masa tertentu dan di tempat yang sama, contohnya di bar atau kelab malam atau premis perniagaan dan industri yang beroperasi secara haram," katanya kepada Bernama.

Justeru, bagi meningkatkan kecekapan operasi penguatkuasaan, Mashitah mengesyorkan kerajaan mewujudkan penguatkuasaan berpusat bersepada yang akan meletakkan semua pihak penguat kuasa di bawah satu bumbung.

"Apabila adanya sifat integrasi antara penguat kuasa, maka tiada lagi percanggahan dalam aspek penahanan, birokrasi dapat dikurangkan serta mempercepat pemprosesan migran sekiranya terkait isu penghantaran pulang," kata beliau.

Beliau juga percaya jika pihak berkuasa melaksanakan langkah itu, pihak berkepentingan seperti majikan akan lebih bersedia memberikan kerjasama dalam pematuhan undang-undang terkait.



WARGA asing yang tidak mempunyai dokumen sah ditangkap dan dibawa ke depoh tahanan bagi menjalani proses seterusnya.

SESAK

Senada, Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia Datuk Hishamuddin Hashim berkata setiap pihak berkuasa hanya lakukan setakat yang termampu oleh mereka.

"Sememangnya isu pendarat asing tanpa izin ini adalah satu cabaran besar buat semua pihak berkuasa yang bertanggungjawab akan hal itu. Dari segi masuk secara haram, kita mempunyai sempadan negara yang luas, memang mustahil untuk kita pantau semua laluan 'tikus' yang ada.

"Begitu juga untuk memantau jutaan warga asing yang masuk secara sah namun kemudian bertindak tinggal secara haram selepas Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atau Pas Lawatan Sosial (PLS) tamat tempoh," katanya kepada Bernama.

Justeru tegas beliau, adalah tidak adil untuk rakyat menyalahkan pihak berkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam soal menangani warga asing kerana agensi itu diketahui mempunyai kemampuan yang terhad.

"Bayangkan, pegawai JIM mungkin hanya ada ratusan atau ribuan sahaja di seluruh negara, tetapi perlu pantau jutaan warga asing," katanya.

Menurut beliau, tambah memburukkan masalah adalah keadaan depoh tahanan terdahulu sedang menanti proses hukuman dan pengusiran," jelas beliau.

"Setiap kali ada operasi, pasti akan berlaku kesesakan di depoh kerana masih ramai tahanan terdahulu sedang menanti proses hukuman dan pengusiran," jelas beliau.

Kejadian 132 pendatang asing tanpa izin meloloskan diri dari Depoh Tahanan Sementara Imigresen Bidor, Perak pada awal

bulan ini, mengetengahkan situasi yang dihadapi oleh pihak berkuasa.

Dalam kejadian itu, kumpulan etnik Rohingya terbabit dilaporkan telah melakukan rusuhan sebelum bertindak merobohkan pagar kawat duri depoh tersebut dan lari bertemparan menghala Lebuhraya Utara-Selatan. Dilaporkan seorang daripada tahanan lolos tersebut maut dilanggar kendaraan di lebuh raya itu.

Mengulas lanjut, Hishamuddin berkata keadaan depoh yang melebihi kapasiti juga mengundang risiko krisis kemanusiaan seperti rusuhan dan pergaduhan serta jangkitan penyakit.

"Kepadatan yang tinggi di depoh tahanan ini berlaku kerana beberapa faktor, antaranya (tahanan) tidak mampu membayar kompaun atau denda yang dikenakan.

"Bagi warga asing yang tidak memiliki dokumen sah termasuk visa dan pas kerja, dia boleh ditahan reman 14 hari serta boleh dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 6 (1c) Akta Imigresen 1959/63 yang memperuntukkan hukuman penjara lima tahun, denda RM10,000 atau kedua-duanya, selain boleh dikenakan enam sebatan jika didapati bersalah," kata beliau.

Bernama difahamkan dalam kebanyakan kes, mahkamah umumnya menjatuhkan hukuman denda bagi mengelakkkan kesesakan di penjara. Namun, tidak semua mampu membayar denda terbabit menyebabkan mereka "tersadai" di depoh tahanan.

"Semakin lama mereka di depoh tahanan, semakin tinggi bebanan kos kewangan yang perlu ditanggung kerajaan," tambah Hishamuddin yang turut memaklumkan kos makan minum seorang tahanan adalah sekitar RM30 sehari.

Menurut beliau, dalam keadaan biasa, iaitu warga asing terbabit mempunyai pasport dan tiket penerbangan balik, proses pengusiran ke negara asal hanya mengambil masa kira-kira dua minggu.

Menyokong penuh pelaksanaan Program Repatriasi Migran yang dijadualkan bermula 1 Mac ini, Hishamuddin mengesyorkan agar kerajaan memperbanyak pintu keluar bagi warga asing terbabit.

"Perbanyakkan lagi pintu keluar untuk mereka, jangan hanya buat di ibu pejabat JIM negeri. Kalau boleh, buat juga program ini di setiap pintu masuk negara termasuk lapangan terbang serta sempadan Malaysia-Thailand di lebuh raya Bukit Kayu Hitam bagi kita mempermudah urusan mereka keluar dari negara ini," katanya.

Program itu antara lain akan memudahkan pendatang tanpa izin dihantar pulang tanpa dikenakan sebarang tindakan susulan selepas mereka menyelesaikan kompaun antara RM300 hingga RM500 bagi pelbagai kesalahan imigresen, termasuk tinggal lebih masa dan memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah.

Kerajaan sebelum ini melaksanakan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) yang membolehkan pendatang tanpa izin diserap sebagai pekerja dalam sektor yang dibenarkan selepas mereka membayar kompaun.

TAMBAH BAIK UNDANG-UNDANG

Pada masa sama, Hishamuddin mengesyorkan kerajaan menambah baik akta berkaitan termasuk menaikkan jumlah denda dan hukuman penjara bagi kesalahan sengaja melanggar syarat permit PLKS atau PLS dengan cara menjalankan perniagaan haram sehingga mengganggu ekosistem bisnes warga tempatan.

"Pada masa ini, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1,000, atau penjara tidak lebih enam bulan, atau kedua-duanya. Imigresen juga boleh lakuk tangkapan dan siasatan, membalkan pas, mengenakan denda, serta boleh mengusir mereka kembali ke negara asal. Namun

saya fikir kadar denda dan penjara tersebut terlalu rendah dan perlu disemak semula kepada kadar yang lebih tinggi sehingga mampu menggerunkan pesalah.

"Sudah tiba masanya kita banters habis-habisan isu warga asing jalankan perniagaan haram ini, kerana peniaga tempatan kita alami kerugian ekonomi yang cukup dahsyat. Mereka ini ada yang cukup berani ceburi bidang peruncitan, tekstil, dobi dan sebagainya malahan sampai yang ada jadi bos dan pemilik syarikat. Ini amatlah tidak adil kepada peniaga kita khususnya," tegasnya.

Beliau seterusnya mendakwa agar kerajaan mempertimbang kenaikan hukuman denda daripada RM1,000 kepada RM10,000 hingga RM15,000, ataupun kepada satu jumlah yang lebih tinggi, asal mampu menakutkan warga asing yang berniaga.

Media sebelum ini melaporkan buat masa ini, penggunaan warga asing dalam sektor pekerjaan dan perniagaan di negara ini adalah seorang warga asing bagi setiap 10 rakyat tempatan.

Keberleluasaan perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing ini diakui oleh pihak berkuasa tempatan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Amnya, tindakan yang dikenakan adalah kompaun kepada pesalah dan perniagaan ditutup serta-merta menurut Seksyen 101(1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MANTAPKAN DIGITALISASI, PEMANTAUAN

Bagi memantau pergerakan warga asing, Mashitah mendaran kerajaan memantapkan sistem daftar/rekod keluar masuk warga asing seperti yang dilakukan oleh beberapa negara maju, antaranya Australia.

Katanya, walaupun sistem digitalisasi sedia ada sudah dilengkapi teknologi canggih, yang membezakan antara Australia dan Malaysia ialah pemantauan.

"(Di Australia) Selagi tidak diberi alamat lengkap, kita tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan malah berisiko dihantar pulang. Jadi baik pelancong, pelajar maupun mereka yang mahu bekerja secara kasual (mengikut musim) di sana, tidak sewenang-wenangnya mampu melewati sempadan tanpa maklumat yang tepat, selain pemberian visa kepada warga asing," kata beliau, menambah langkah yang dilaksanakan oleh negara kangaru itu dilihat berjaya mengurangkan isu tinggal melebihi tempoh masa. - Bernama